

## Keselarasan Personaliti dengan Pemilihan Program Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

Azura Ishak\*, Masura Rahmat, Shahrina Shahrani, Noor Faridatul Ainun Zainal, Rohizah Abd Rahman

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

\*Corresponding author: ai@ftsm.ukm.my

### Article history


Received :4 July 2013

Received in revised form :

16 February 2014

Accepted :15 March 2014

### Graphical abstract



### Abstract

This study discusses personality patterns of the students from computer science and information technology programs, personality congruence level in determining the selection of computer science and information technology's program, factors of program selections in computer science and information technology and correlations between those factors and personality congruence level. The participants were 154 of first year students from 2012/2013 batch from Faculty of Information Science and Technology (FTSM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). The instrument used for this research is a set of online questionnaire (Self-Directed Search (SDS) – Form Easily, a translated version from Amla, (1984) and factor of program selections (Norlia Melawi, 2000). Iachan Congruence Index has been used to measure personality congruence degree. The results demonstrate that student personality pattern, SKI produces low congruence degree, meaning that the factors of program selection are weak, thus not reflecting the present program student had assigned with (what they get). However, program selections are done based on their own preferences and interests, also influenced by other factors such as environment, rewards and family. Despite that, all the factors are not related with their congruence personality degree.

*Keywords:* Personality patterns; congruence degree; factors of program selections

### Abstrak

Kajian ini membincangkan tentang pola personaliti pelajar program sains komputer dan teknologi maklumat, tahap keselarasan personaliti dengan pemilihan program sains komputer dan teknologi maklumat, faktor pemilihan program sains komputer dan teknologi maklumat dan hubungan di antara faktor pemilihan program sains komputer dan teknologi maklumat dengan darjah keselarasan personaliti pelajar. Seramai 154 orang pelajar tahun satu Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sesi 2012/2013 terlibat dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan ialah berbentuk soal selidik atas talian iaitu *Self-Directed Search-Form Easy* (SDS-E) (versi terjemahan Amla, 1984) dan soal selidik faktor pemilihan program (Norlia Melawi, 2000). Indeks Kongruen Iachan pula digunakan bagi mendapatkan nilai darjah keselarasan personaliti dengan pemilihan program. Hasil kajian ini menunjukkan pola personaliti pelajar iaitu SKI mempunyai darjah keselarasan yang rendah iaitu tahap padanan yang lemah dengan program pengajian yang dipilih di FTSM. Namun demikian, pemilihan program dibuat berdasarkan pilihan dan minat mereka sendiri diikuti dengan faktor-faktor lain seperti persekitaran, ganjaran dan keluarga. Walau bagaimanapun, kesemua faktor ini tidak mempunyai hubungan langsung dengan darjah keselarasan personaliti mereka.

*Kata kunci:* Pola personaliti; darjah keselarasan; faktor pemilihan program

© 2014 Penerbit UTM Press. All rights reserved.

### 1.0 PENGENALAN

Setiap individu itu adalah unik dan mempunyai personaliti yang berbeza. Personaliti juga menggambarkan minat dan kecenderungan individu terhadap sesuatu terutamanya jika ia melibatkan masa depannya seperti pemilihan program pengajian yang sudah tentu berkaitan dengan penentuan bidang kerjaya seseorang. Ini kerana setiap individu akan mencari persekitaran yang sesuai dengan ciri-ciri personalitinya kerana dengan

demikian dia berpeluang menunjukkan kebolehan dan kemahiran serta berpeluang untuk menampilkan kecemerlangan dirinya dalam persekitaran tersebut (Amla Saleh *et al.*, 2008). Ringkasnya di sini, pemilihan program pengajian atau bidang kerjaya yang bersesuaian selaras dengan personaliti adalah penting dalam menentukan masa depan individu. Bayangkan jika individu yang mempunyai minat dan kecenderungan yang mendalam untuk melukis disuruh untuk melakukan kerja-kerja

rutin berkaitan dengan pertukangan, akan mengundang konflik dalam dirinya.

Ketidakselarasan dari segi personaliti dengan pemilihan program pengajian mengakibatkan pelajar menjadi kurang bermotivasi dan berminat untuk meneruskan sesi pembelajaran. Hal ini disokong oleh Hough dan Ones (2001) yang menegaskan bahawa personaliti berupaya menjadi peramal yang sah kepada prestasi kerja individu. Dalam senario yang berlaku di universiti pula, perkara ini berlaku apabila graduan yang tamat pengajian masing-masing tetapi tidak meneruskan bidang yang dipilih kerana mendapati kerjaya yang diceburi tidak selaras dengan minat dan personalitinya. Malah tidak kurang juga berlaku di FTSM pada semester pertama dan kedua, para pelajar sering bertukar program ke bidang yang terlalu kontras dengan bidang yang dipilih sebelumnya seperti bidang sains sosial dan seumpamanya. Menurut Mastura *et al.* (2008), ketidakselarasan yang wujud antara pola personaliti dengan kursus pengajian yang dipilih menyebabkan sesetengah pelajar memohon pertukaran kursus dan jika tidak mempunyai peluang bertukar kursus, pelajar akan belajar dalam keadaan tertekan dan kecewa.

Justeru, persoalan ini timbul sama ada pelajar benar-benar minat dengan pemilihan program yang dibuat sebelum ini selaras dengan personalitinya atau hanya sekadar memenuhi kriteria pencapaian akademik bagi syarat kemasukan program di mana-mana universiti tersohor atau terdapat beberapa faktor lain yang mendorong mereka memilih program yang tidak selaras dengan personalitinya. Maka, senario sebegini bukan sahaja merugikan negara tetapi memberi impak negatif kepada pelajar dari aspek masa, kos, produktiviti dan tenaga kepakaran. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Bretz dan Judge (1994), keselarasan personaliti dengan persekitaran yakni pemilihan program akan mempengaruhi kejayaan sesuatu kerjaya. Menurut Atan Long (1982), pemilihan bidang kerjaya mestilah selaras dengan minat kerjaya seseorang kerana pilihan yang dibuat adalah untuk masa depan mereka. Menurutnya lagi, hal ini akan mendatangkan masalah jika pilihan yang dibuat tidak bersesuaian dengan personalitinya dan ia boleh menimbulkan perasaan jemu dan kecewa serta menyebabkan prestasi individu tersebut terganggu.

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk (i) mengenal pasti pola personaliti pelajar program sains komputer dan teknologi maklumat, (ii) mengenal pasti tahap keselarasan personaliti dengan pemilihan program sains komputer dan teknologi maklumat, (iii) mengenal pasti faktor pemilihan program sains komputer dan teknologi maklumat, (iv) mengenal pasti sama ada terdapat hubungan di antara faktor pemilihan program sains komputer dan teknologi maklumat dengan darjah keselarasan personaliti pelajar.


## 2.0 DEFINISI KONSEP DAN OPERASIONAL

### 2.1 Pola Personaliti

Menurut Holland (1985), pola personaliti bertujuan menerangkan profil personaliti individu yang terdiri daripada ciri personaliti Realistik (R), Investigatif (I), Artistik (A), Sosial (S), Enterprising (E) dan Konvensional (K). Ringkasnya, personaliti jenis 'R' berkecenderungan menjana kecekapan yang lebih bersifat teknikal, praktikal dan sukar menguasai sesuatu yang berbentuk abstrak. Personaliti 'I' pula lebih bersifat analitikal, kritikal, logik dan cenderung mencari penyelesaian sesuatu masalah secara saintifik. Individu yang mempunyai personaliti 'A' lebih bersifat kreatif dan berkecenderungan dalam aspek seni, bahasa, lukisan, muzik dan penulisan. Jenis personaliti 'S' mempunyai kecenderungan dalam aktiviti-aktiviti berbentuk kemasyarakatan dan mempunyai hubungan interpersonal dan

komunikasi yang baik. Manakala individu berpersonaliti 'E' lebih bersifat memimpin, memujuk dan mengarah serta suka memanipulasi individu lain untuk tujuan dan kepentingan tertentu. Akhirnya personaliti jenis 'K' mempunyai kecenderungan untuk melakukan aktiviti yang melibatkan pengurusan fail, pemprosesan data, penyusunan laporan dan berkemampuan membuat kerja secara berstruktur.

Pola personaliti setiap responden kajian akan ditentukan berdasarkan jumlah tiga skor pola personaliti tertinggi. Bagi setiap jumlah skor yang paling tinggi akan diletakkan sebagai huruf primer, jumlah skor kedua tertinggi diletakkan sebagai huruf sekunder dan begitulah seterusnya. Namun sekiranya seri dalam jumlah skor yang telah diperolehi, pemilihan akan dibuat berdasarkan konsep konsistensi seperti dalam Rajah 2.1 iaitu berdasarkan Model Heksagon Holland (1973, 1985). Mengikut Holland (1985), jenis personaliti yang paling dekat dengan jenis personaliti yang utama adalah lebih konsisten. Justeru, ia akan dipilih untuk mendapatkan pola personaliti kod tiga huruf Holland.



**Rajah 2.1** Model heksagonal Holland: konsep keselarasan personaliti-persekitaran. Sumber: Holland, Whitney, Cole & Richards (Holland, 1973:23)

### 2.2 Darjah Keselarasan

Darjah keselarasan antara jenis personaliti dengan persekitaran kerja adalah penting bagi menentukan motivasi, kepuasan kerja dan produktiviti individu (Holland, 1985). Di dalam konteks kajian ini, darjah keselarasan yang dimaksudkan ialah merujuk kepada keselarasan jenis personaliti dengan jenis persekitaran program pengajian sains komputer dan teknologi maklumat yang dipilih dalam kalangan pelajar FTSM. Indeks Kongruen Iachan (Iachan, 1984) digunakan bagi mendapatkan nilai darjah keselarasan kod tiga huruf personaliti yang diperolehi oleh pengkaji dan dibandingkan dengan kod tiga huruf yang telah ditetapkan di dalam *Educational Opportunities Finder* (EOF) (Rosen dan Holland, 1977) bersesuaian dengan pemilihan program pengajian sains komputer dan teknologi maklumat di FTSM. Indeks ini menjadi pilihan utama pengkaji kerana skala ini mendapat pengesahan terkini daripada Holland (1985) berbanding dengan indeks lain seperti Kwak dan Pulvino (1982).

### 2.3 Faktor Pemilihan Program

Faktor pemilihan kerjaya atau program menurut Norlia Melawi (2000) terdiri daripada aspek minat, keluarga, ganjaran dan persekitaran. Justeru, di dalam konteks kajian ini, pengkaji mengklasifikasikan keempat-empat faktor ini dijangka mendorong pelajar untuk membuat keputusan di dalam pemilihan program pengajian di FTSM.

### ■3.0 METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian dijalankan adalah berbentuk kajian tinjauan deskriptif yang digunakan untuk mengenal pasti bentuk pola personaliti pelajar, menentukan tahap keselarasan personaliti dengan pemilihan program pengajian dan mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong pelajar membuat pemilihan program. Menurut Mohd Majid Konting (1993), bentuk kajian deskriptif bermatlamat untuk menerangkan situasi semasa sesuatu fenomena yang sedang berlaku, mendapatkan penjelasan dengan sempurna serta meneroka bidang yang belum dikaji untuk mendapatkan maklumat yang tepat. Kajian ini juga berbentuk kajian hubungan korelasi bagi menentukan hubungan antara faktor pemilihan program dengan darjah keselarasan personaliti pelajar. Menurut Azizi *et al.*, (2007), kajian korelasi dapat menentukan perkaitan antara dua atau pun lebih pemboleh ubah yang saintifik.

#### 3.2 Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor. FTSM dipilih sebagai lokasi kajian kerana terdapat sampel kajian yang mengikuti program pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat.

#### 3.3 Sampel Kajian

Populasi kajian terdiri daripada pelajar tahun satu sesi 2012/2013 pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dengan pengkhususan program Sains Komputer (TK) dan Sains dan Pengurusan Sistem (TS) dan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan pengkhususan program Komputeran Industri (TR) dan program Pengajian Multimedia (TH). Pelajar tahun satu ini dipilih kerana mereka masih di peringkat awal dan baharu di dalam membuat keputusan memilih program yang ditawarkan di FTSM. Penentuan saiz sampel adalah berdasarkan jadual penentuan menurut Krejcie dan Morgan (1970) dimana saiz populasi untuk 250 orang responden dan sampelnya adalah 152 responden.

#### 3.4 Instrumen Kajian

Soal selidik secara atas talian digunakan di dalam kajian ini untuk memudahkan proses pengumpulan data. Soal selidik ini dibina berdasarkan gabungan tiga komponen soal selidik yang lain iaitu (i) Bahagian A: Latar Belakang Pelajar, (ii) Bahagian B: *Self-Directed Search-Form Easy* (SDS-E) (Versi terjemahan Amla, 1984) dan (iii) Bahagian C: Soal Selidik Faktor Pemilihan Program (Norlia Melawi, 2000). Kebenaran menggunakan soal selidik di Bahagian B dan C telah dibuat secara formal oleh penulis soal selidik masing-masing bagi memastikan hak cipta terpelihara dan memudahkan proses pengumpulan data berjalan dengan lancar.

Soal selidik di bahagian A dibentuk adalah bertujuan untuk memperoleh maklumat latar belakang pelajar seperti jantina, bangsa dan pemilihan program pengajian mereka. Bahagian B pula ialah instrumen *Self-Directed Search-Form Easy* (SDS-E) versi terjemahan Amla (1984) yang digunakan untuk mendapatkan maklumat pola personaliti pelajar iaitu tiga kod personaliti yang paling dominan berdasarkan enam jenis personaliti yang dikemukakan di dalam Teori Tipologi Kerjaya Holland (1973) iaitu jenis personaliti Realistik (R), Investigatif (I), Artistik (A), Sosial (S), Enterprising (E) dan Konvensional

(K). SDS-E ini juga sering digunakan di dalam kajian-kajian lepas kerana ia mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu berada di dalam julat 0.85 hingga 0.97. Manakala soal selidik Norlia Melawi (2000) di bahagian C pula digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang faktor pemilihan program dan ianya juga mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.708.

### ■4.0 HASIL KAJIAN

#### 4.1 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif yang melibatkan taburan frekuensi, peratusan dan min skor telah diperolehi bagi mendapatkan maklumat mengenai latar belakang pelajar, pola personaliti pelajar, darjah keselarasan personaliti dan faktor-faktor pemilihan program.

##### 4.1.1 Latar Belakang Pelajar

Jadual 4.1 merujuk kepada taburan latar belakang pelajar mengikut jantina, bangsa dan program pengajian. Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina terdiri daripada 55 orang pelajar lelaki (35.7%) dan 99 orang pelajar perempuan (64.3%). Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut bangsa terdiri daripada 126 orang pelajar berbangsa Melayu (81.8%), 15 orang pelajar berbangsa Cina (9.7%) dan 13 orang pelajar berbangsa lain-lain (8.4%). Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut Pusat Pengajian Sains Komputer yang terdiri daripada 72 orang pelajar program TK (81.8%) dan 25 orang pelajar program TS (16.2%). Manakala taburan bilangan dan peratusan responden mengikut Pusat Pengajian Teknologi Maklumat terdiri daripada 27 orang pelajar program TR (17.5%) dan 30 orang pelajar program TH (19.5%). Bilangan dan peratusan pelajar mengikut bangsa dan program adalah berdasarkan kepada pengambilan pelajar tahun satu sesi 2012/2013. Realitinya bilangan pelajar bangsa melayu adalah melebihi daripada bangsa lain dan begitu juga bilangan pelajar bagi program TK melebihi daripada program lain. Justeru itu, pemilihan keseluruhan pelajar mengikut bangsa dan program walaupun bilangan dan peratusannya adalah tidak seimbang dipilih di dalam kajian ini. Menurut Yahya dan Sharliana (2011), pemilihan keseluruhan populasi sebagai responden adalah perlu bagi mengatasi sebarang kesulitan yang mungkin timbul terhadap penggunaan sampel yang kecil dalam mendapatkan hasil kajian yang bermakna. Tambahan pula, fokus kajian ini adalah pelajar yang mengikuti bidang pengajian sains komputer dan teknologi maklumat yang merangkumi kesemua program di FTSM dan bukan menjerus kepada bangsa.

##### 4.1.2 Pola Personaliti Pelajar Mengikut Pemilihan Program

Jadual 4.2 menunjukkan min skor pola personaliti semua pelajar mengikut program berdasarkan enam jenis personaliti yang dibentuk oleh Holland iaitu Realistik(R), Investigatif (I), Artistik (A), Sosial (S), Enterprising (E) dan Konvensional(K). Kajian menjadikan rujukan tiga kod personaliti IKS yang diperolehi daripada *Educational Opportunities Finder* (EOF) sebagai asas program pengajian sains komputer dan teknologi maklumat di mana ianya amat bersesuaian dengan keseluruhan program TK, TS, TR dan TH. Hasil dapatan menunjukkan tiga kod tertinggi (Kod Dapatan) yang diperolehi daripada min pola personaliti program TK ialah S (23.1), I (17.8) dan E (15.7). Tiga kod tertinggi bagi program TS ialah S (23.3), K (20.5) dan E (18.5). Manakala bagi program TR dan TH pula, masing-masing memperoleh tiga kod yang sama iaitu TR memperoleh min pola

personaliti S (21.4), K (20.0), I (18.4) dan TH memperoleh min pola personaliti S (21.1), K (18.1), I (15.5). Dapatan juga

menunjukkan keseluruhan tiga kod tertinggi personaliti pelajar yang paling dominan ialah SKI.

**Jadual 4.1** Latar belakang pelajar mengikut jantina, bangsa dan program pengajian

Latar Belakang		Bilangan	Peratus
<b>Jantina</b>	Lelaki	55	35.7
	Perempuan	99	64.3
<b>Bangsa</b>	Melayu	126	81.8
	Cina	15	9.7
	Lain-lain	13	8.4
<b>Program</b>	Sains		
	Sains Komputer (TK)	72	81.8
Komputer	Sains dan Pengurusan Sistem (TS)	25	16.2
Teknologi Maklumat	Komputeran Industri (TR)	27	17.5
	Multimedia (TH)	30	19.5
Jumlah		154	100.0

**Jadual 4.2** Min skor pola personaliti pelajar mengikut pengkhususan program

Program	R	I	A	S	E	K	Kod Dapatan	Kod EOF
TK	12.5	17.8	9.4	23.1	15.7	12.5	SIE	IKS
TS	12.8	18.2	9.5	23.3	18.5	20.5	SKE	IKS
TR	15.9	18.4	9.2	21.4	17.9	20.0	SKI	IKS
TH	12.3	15.5	12.2	21.1	15.4	18.1	SKI	IKS
Keseluruhan	13.1	17.5	9.9	22.4	16.5	19.4	SKI	IKS

\* EOF- Educational Opportunities Finder

#### 4.1.3 Darjah dan Tahap Keselarasan Trait Personaliti Mengikut Program

Jadual 4.3 menunjukkan nilai darjah keselarasan personaliti mengikut pemilihan program adalah berdasarkan pengiraan indeks keselarasan kod pengkaji dan kod EOF mengikut formula Indeks Iachan. Hasil dapatan menunjukkan pelajar daripada program TK memperoleh darjah keselarasan personaliti sebanyak 14 iaitu tahap keselarasan personaliti yang hampir tidak padan dengan pemilihan program. Bagi pelajar daripada program TS memperoleh darjah keselarasan personaliti sebanyak 9 iaitu tahap keselarasan personaliti yang mempunyai padanan yang lemah dengan pemilihan program. Manakala pelajar daripada program TR dan TH memperoleh nilai darjah keselarasan yang sama iaitu 13 iaitu tahap keselarasan personaliti yang mempunyai padanan yang lemah dengan pemilihan program. Keseluruhan dapatan nilai darjah keselarasan personaliti dengan pemilihan program juga ialah 13 dengan tahap keselarasan padanan yang lemah.

#### 4.1.4 Faktor-faktor Pemilihan Program

Jadual 4.4 menunjukkan min skor faktor pemilihan program dari aspek minat, keluarga, ganjaran dan persekitaran. Hasil dapatan mendapati faktor utama pemilihan program TK adalah disebabkan faktor minat diikuti dengan persekitaran, ganjaran dan keluarga. Bagi pemilihan program TS, faktor utama adalah

disebabkan minat diikuti dengan persekitaran, ganjaran dan keluarga. Pemilihan program TR pula adalah disebabkan faktor utama iaitu minat diikuti dengan persekitaran, ganjaran dan keluarga. Begitu juga dengan faktor pemilihan program TH di mana faktor minat merupakan faktor utama diikuti dengan persekitaran, ganjaran dan keluarga. Ini menjadikan faktor keseluruhan pelajar membuat pemilihan program adalah berdasarkan faktor utama iaitu minat diikuti dengan faktor persekitaran, ganjaran dan akhirnya keluarga.

**Jadual 4.3** Darjah dan tahap keselarasan personaliti pelajar mengikut pengkhususan program

Program	Darjah Keselarasan	Tahap Keselarasan
TK	14	Hampir Tidak Padan
TS	9	Padanan yang lemah
TR	13	Padanan yang lemah
TH	13	Padanan yang lemah
Keseluruhan	13	Padanan yang lemah

\*Petunjuk Darjah Keselarasan:  
26 -28: Padanan yang baik  
21 – 25: Hampir padan  
14-20: Hampir tidak padan  
13 ke bawah: Padanan yang lemah

**Jadual 4.4** Min skor faktor pemilihan program

Program	Minat	Keluarga	Ganjaran	Persekitaran
TK	23.93	18.06	21.79	22.72
TS	24.00	19.00	22.52	22.72
TR	23.41	17.70	21.63	22.93
TH	23.52	18.06	21.55	22.03
Keseluruhan	23.77	18.15	21.83	22.62

## 4.2 Analisis Inferensi

Analisis inferensi melibatkan pengujian hipotesis kajian dan penganalisisan statistik terpilih yang bersesuaian dengan hipotesis yang dikemukakan seperti di bawah.

- Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor minat dengan darjah keselarasan personaliti pelajar.  
 Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor keluarga dengan darjah keselarasan personaliti pelajar.  
 Ho3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor ganjaran dengan darjah keselarasan personaliti pelajar.  
 Ho4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor persekitaran dengan darjah keselarasan personaliti pelajar.

Kajian hubungan antara faktor pemilihan program dari aspek minat, keluarga, ganjaran dan persekitaran dengan darjah keselarasan personaliti pelajar dengan melibatkan penggunaan analisis statistik korelasi Pearson.

### 4.2.1 Hubungan Antara Faktor Pemilihan Program Dengan Darjah Keselarasan Trait Personaliti

Jadual 4.5 menunjukkan bahawa nilai pekali korelasi  $r$  ialah 0.135 ( $p > 0.05$ ) bagi hubungan minat dengan darjah keselarasan personaliti. Bagi hubungan keluarga dengan darjah keselarasan personaliti, dapatan menunjukkan nilai korelasi  $r$  ialah 0.000 ( $p > 0.05$ ). Begitu juga dengan hubungan faktor ganjaran dan persekitaran dengan darjah keselarasan pola personaliti, nilai pekali korelasi  $r$  masing-masing ialah -0.054 ( $p > 0.05$ ) dan -0.060 ( $p > 0.05$ ). Maka, kajian mendapati bahawa tidak terdapat hubungan signifikan antara faktor minat, keluarga, ganjaran dan persekitaran dengan darjah keselarasan personaliti pelajar.

**Jadual 4.5** Analisis hubungan antara faktor pemilihan program dengan darjah keselarasan pola personaliti pelajar

Hubungan Pemboleh ubah	$r$	$p$
Minat dengan darjah keselarasan personaliti	-0.135	0.095
Keluarga dengan darjah keselarasan personaliti	0.000	0.999
Ganjaran dengan darjah keselarasan personaliti	-0.054	0.509
Persekitaran dengan darjah keselarasan personaliti	-0.060	0.458

\*Signifikan pada aras  $p \leq 0.05$

## ■ 5.0 PERBINCANGAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kod personaliti pelajar mengikut program TK ialah SIE, program TS ialah SKE

dan program TR dan TH mempunyai kod personaliti yang sama iaitu SKI. Ini menjadikan keseluruhan pola personaliti pelajar mempunyai tiga kod SKI yang dominan iaitu Sosial (S), Konvensional (K) dan Investigatif (I). Manakala kod personaliti yang bersesuaian dengan program pengajian sains komputer dan teknologi maklumat seperti yang terdapat di dalam *Educational Opportunities Finder* (EOF) ialah IKS. Namun demikian, kod tiga huruf yang diperolehi di dalam kajian ini masih tidak lari dengan kod EOF tetapi berbeza dari segi kedudukan dominan personaliti tersebut.

Secara keseluruhannya, para pelajar tahun satu di FTSM mempunyai personaliti 'Sosial' yang sangat dominan dengan diri mereka. Menurut Teori Tipologi Kerjaya John Holland (1973), individu yang mempunyai personaliti 'Sosial' yang dominan merupakan individu yang mempunyai kecekapan dalam komunikasi interpersonal. Individu 'Sosial' suka berurusan dengan orang lain dan melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan tetapi kurang menyerlah dalam bidang-bidang yang melibatkan teknikal. Bidang akademik yang sepatutnya bersesuaian dengan dengan individu yang berpersonaliti dominan 'Sosial' ini ialah Pentadbiran Pendidikan, Sejarah, Sains Politik, Kemanusiaan dan Sosial. Ciri personaliti pelajar FTSM yang kedua dominan pula ialah 'Konvensional' yang mana individu ini mempunyai kecenderungan untuk melakukan kerja secara sistematik yang melibatkan penyusunan rekod, pemrosesan data dan penyimpanan maklumat. Ciri personaliti pelajar FTSM yang ketiga dominan ialah 'Investigatif' yang mana individu ini bersifat analitikal, kritikal, intelektual dan berkecenderungan untuk menyelesaikan masalah secara logik dan saintifik. Ciri personaliti ini sangat bersesuaian dengan para pelajar FTSM dan sepatutnya menjadi personaliti yang paling dominan kerana program pengajian sains komputer dan teknologi maklumat banyak memerlukan penyelesaian logik dan pemikiran kritikal serta analisis yang tinggi dalam mencari penyelesaian masalah dalam bidang ini (Puteri Hayati Megat, 2010).

Justeru, kajian mendapati kod personaliti SKI para pelajar FTSM dengan pemilihan program yang bersesuaian dengan bidang mereka seperti yang dirujuk di dalam EOF iaitu kod IKS mempunyai darjah keselarasan yang rendah atau tahap padanan yang lemah. Dapatan kajian ini juga berlaku di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) apabila kajian menunjukkan tidak terdapat keselarasan antara personaliti pelajar dengan program pengajian yang diikuti iaitu komputer dan teknologi maklumat (Norida Abdullah, 2006). Hal ini amat membimbangkan kerana ketidakselarasan pemilihan program pengajian menyebabkan pelajar tidak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran program pengajian yang dipilih serta mengakibatkan mereka bermotivasi rendah untuk belajar (Holland, 1985). Namun, dapatan ini sebagai suatu permulaan bagi para pelajar FTSM tahun satu yang baharu mendaftar dan masih di peringkat yang terlalu awal untuk meneroka bidang yang diceburinya ini. Walaupun personaliti mereka mempunyai tahap padanan yang rendah dengan persekitaran bidang ini, tetapi sekurang-kurangnya tiga kod personaliti terpilih telah ada di dalam personaliti mereka. Oleh itu, kecenderungan untuk mendalami bidang ini supaya lebih selaras dengan personaliti ini dapat dipupuk dan disemai di dalam jiwa mereka sepanjang tiga tahun pengajian di FTSM.

Dalam konteks pemilihan program pula, kajian mendapati bahawa keseluruhan pelajar berpendapat faktor minat memainkan peranan utama di dalam memilih program pengajian sains komputer dan teknologi maklumat. Ianya diikuti oleh faktor persekitaran, ganjaran dan akhirnya keluarga. Dapatan ini menggambarkan bahawa pelajar sememangnya mempunyai minat dan kecenderungan untuk membuat keputusan memilih dan

mendalami bidang ini. Hal ini adalah penting kerana minat kepada sesuatu kerjaya merupakan salah satu faktor yang terpenting dalam menentukan kejayaan seseorang dalam profesion yang diceburi (Sidek *et al.*, 2008). Faktor persekitaran dan ganjaran kerjaya di dalam bidang ini juga menjadi tarikan pelajar untuk membuat pemilihan program ini sebagai bidang kerjaya yang paling tepat. Namun, faktor keluarga adalah yang terakhir dan ini adalah suatu dapatan yang paling baik kerana sekurang-kurangnya pilihan mereka bukanlah disebabkan oleh suatu paksaan atau arahan daripada pihak keluarga. Walaupun demikian, pihak keluarga juga berhak untuk memberi nasihat, sokongan dan pandangan positif terhadap bidang atau kerjaya yang diceburi oleh pelajar. Secara keseluruhannya dapatan kajian yang menunjukkan faktor minat merupakan faktor utama pemilihan program pengajian atau bidang kerjaya adalah bertentangan dengan dapatan kajian lepas yang menunjukkan hanya sebilangan kecil sahaja senario masyarakat Malaysia yang memilih pekerjaan kerana minat dan kebolehan diri (Amla *et al.* 2008). Namun kajian ini selaras dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Suzarina Suhod dan Faizah Abd Ghani (2008) bahawa faktor utama dalam pemilihan sesuatu kerjaya adalah faktor minat.

Seterusnya, dapatan kajian juga mendapati bahawa tidak terdapat hubungan langsung antara kesemua faktor minat, keluarga, ganjaran dan persekitaran dengan darjah keselarasan personaliti pelajar. Ini menunjukkan tidak semestinya faktor-faktor ini berhubung kait dengan keselarasan personaliti pelajar. Berkemungkinan terdapat beberapa faktor lain yang perlu dikaji seperti faktor kepuasan belajar, kepuasan bekerja dan sebagainya. Kajian ini juga selaras dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Siti Noorazzura Ahmad dan Faizah Abd Ghani (2009) yang menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara darjah kongruen trait personaliti responden dengan faktor minat, keluarga, ganjaran dan persekitaran. Namun dapatan kajian yang dilakukan oleh Suzarina Suhod dan Faizah Abd Ghani (2008) yang dilakukan ke atas pelajar Diploma Pendidikan Kemahiran Hidup menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara darjah kongruen personaliti responden dengan faktor ganjaran dalam pemilihan kerjaya perguruan mereka tetapi tidak terdapat hubungan yang signifikan antara darjah kongruen personaliti responden dengan faktor minat, keluarga dan persekitaran.

## 6.0 CADANGAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian yang mendapati darjah keselarasan personaliti dengan pemilihan program yang dibuat adalah di tahap padanan yang lemah. Menurut Sidek *et al.* (2008), ketidakselarasan antara personaliti, minat dan pekerjaan memberi kesan kepada kerjaya dan seterusnya kesejahteraan individu. Maka penyelidik mengharapkan supaya para pelajar FTSM tahun satu dapat dibimbing dan diberi motivasi oleh para pensyarah atau mentor dari awal pengajian hingga ke akhir pengajian supaya mereka benar-benar dapat menghayati, mendalami dan mempraktikkan bidang yang diceburinya ini selaras dengan personaliti mereka. Selain daripada itu, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik juga memainkan peranan yang penting bagi menarik minat dan kecenderungan pelajar mendalami bidang ini. Kajian lanjutan ini juga diharapkan dapat diteruskan dengan mengkaji hubungan antara darjah keselarasan personaliti dengan pencapaian akademik, kepuasan belajar serta motivasi pelajar. Cadangan kajian perbandingan pra dan pasca bagi mengenal pasti perbezaan keselarasan personaliti bagi pelajar yang berada di tahun satu kini juga dan apabila mereka berada di akhir tahun pengajian juga akan dipertimbangkan.

## 7.0 KESIMPULAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati pola personaliti pelajar iaitu SKI mempunyai darjah keselarasan yang rendah iaitu tahap padanan yang lemah dengan bidang yang dipilih di FTSM. Namun demikian, mereka membuat pemilihan program berdasarkan pilihan dan minat mereka sendiri diikuti dengan faktor-faktor lain seperti persekitaran, ganjaran dan keluarga. Walau bagaimanapun, kesemua faktor ini tidak mempunyai hubung kait langsung dengan darjah keselarasan personaliti mereka. Oleh itu, adalah diharapkan bahawa para pelajar di FTSM dapat diberi motivasi serta bimbingan kerjaya secara konsisten supaya keselarasan antara personaliti dan pemilihan bidang program pengajian dapat ditingkatkan.

## Rujukan

- [1] Amla, H. M. Salleh. 1984. *An Investigation of the Reliability, Validity, and Translation of Holland's Directed-Search for Utilization by a Malaysian Population*. Unpublished Doctoral Dissertation. Western Michigan University.
- [2] Amla Salleh, Zuria Mahmud & Ramlee Mustapha. 2008. *Mengenal Potensi Kerjaya*. Shah Alam. Oxford Fajar.
- [3] Atan Long. 1982. *Psikologi Pendidikan*, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [4] Azizi, Shahrin, Jamaludin, Yusof & Abdul Rahim. 2007. *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur. PTS Profesional.
- [5] Bretz, R. D. & Judge, T. A. 1994. Person-organizational Fit and the Theory of Work Adjustment: Implications for Satisfaction, Tenure and Career Success. *Journal of Vocational Behavior*. 44: 32–54.
- [6] Holland, J. L. 1973. *Making Vocational Choice: A Theory of Careers*. Englewood Cliffs, New Jersey. Prentice Hall.
- [7] Rosen, D., Holmberg, K., & Holland, J. L. 1997. *The Educational Opportunities Finder*. Odessa, FL: Psychological Assessment Resources, Inc.
- [8] Holland, J. L. 1985. *A Theory of Vocational Personality and Work Environment*. Englewood Cliffs, New Jersey. Prentice Hall.
- [9] Hough, L. M., & Ones, D. S. 2001. The Structure, Measurement, Validity, & Use of Personality Variables in Industrial, Work, and Organizational Psychology. In N. Anderson, D. S. Ones, H. K. Sinangil, & C. Viswesvaran. (Eds.). *Handbook of Industrial, Work, and Organizational Psychology*. London: Sage. 1: 233–277.
- [10] Iachan, R. 1984. A Measurement of Agreement for Use with the Holland Classification System. *Journal of Vocational Behavior*. 24: 133–141.
- [11] Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. 1970. Determining Sample Size For Research Activities, *Educational And Psychological Measurement*. 38: 607–610.
- [12] Kwak, J. C. & Pulvino, C. J. 1982. A Mathematical Model for Comparing Holland's Personality and Environmental Codes. *Journal of Vocational Behavior*. 21. 231–241.
- [13] Mastura Mahfar, Ishak Mad Shah dan Hamdan Abdul Kadir 2008. Kekongruenan Personaliti-Persekitaran Kursus dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik di Kalangan Pelajar. *Jurnal Kemusiaan*. 12: 23–32.
- [14] Mohd Majid Konting. 1993. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [15] Norida Abdullah. 2006. *Keselarasan Personaliti Dengan Program Pengajian dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Pelajar KUTKM*. Pusat Perkhidmatan Akademik Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia, Melaka. Projek Penyelidikan Yang Tidak Diterbitkan.
- [16] Norlia Binti Melawi. 2000. *Faktor yang mendorong Pemilihan Kerjaya Perguruan di Kalangan Pelajar Tahun Satu Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan*, Fakulti Pendidikan di UTM Skudai Sesi 1999/2000: Satu Tinjauan. UTM. Tesis Sarjana Muda Yang Tidak Diterbitkan.
- [17] Puteri Hayati Megat. 2010. *Bimbingan dan Kounseling Kerjaya*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [18] Sidek M. N., Abb. Malek Abd. Karim, W. Marzuki W. Jaafar, Nabilah Abdullah, Munirah Ghazali, Lihana Borhan, Johary Othman, M. Taib Harun, Sapon Ibrahim, Norlena Salamuddin, Abd. Malek Abd. Rahman, Jamaludin Ahmad, Tajularipin Sulaiman, Zulkifli Mohamed, Mohd. Yusop Ab. Hadi & Syed Mohamed Shafeq Syed Mansor. 2008. Pendekatan p-p fit dalam Proses Pemilihan Calon Guru di Institusi Pengajian Tinggi Awam Di Malaysia. *MEDC*. 2: 71–82.

- [19] Siti Noorazzura Binti Ahmad & Faizah Binti Abd Ghani. 2009. *Hubungan Trait Personaliti Dengan Pemilihan Kursus Di Kalangan Pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan Elektrik*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- [20] Suzarina Suhod & Faizah Abd Ghani. 2008. *Kesesuaian Personaliti Dengan Bidang Kursus Yang Diikuti Dan Hubungannya Dengan Faktor Pemilihan Kerjaya Perguruan Di Kalangan Pelajar Diploma Pendidikan Kemahiran Hidup*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- [21] Yahya Buntat & Noor Sharliana Mat Nasir. 2011. Faktor-Faktor yang Mendorong Kreativiti di Kalangan. *Journal of Educational Psychology and Counseling*. 2: 175–208.